



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam**

**PEGAWAI PERTANIAN (B.2 / B.2 EB.3)  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PERTANIAN  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Agribisnes/ Pemasaran Makanan / Pengurusan Perniagaan / Pertanian / Sains Makanan / Sains Mikrobiologi / Sains Teknologi Makanan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2:**

i) *BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Agribisnes/ Pemasaran Makanan / Pengurusan Perniagaan / Pertanian / Sains Makanan / Sains Mikrobiologi / Sains Teknologi Makanan atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.*

**ATAU**

ii) *Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.*

**ATAU**

iii) *Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.*



2. Berkebolehan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
3. Berkemahiran dan berpengetahuan dalam penggunaan komputer adalah kelebihan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Merancang dan mengendalikan projek-projek berkaitan dengan perkembangan industri agrimakanan negara, mengembangkan produk-produk agrimakanan yang sedia ada dan merancang dalam pembangunan produk agrimakanan yang berpotensi;
2. Merancang dan mengendalikan projek-projek agrimakanan yang menuju kepada pengeksportan produk-produk yang dihasilkan di negara ini;
3. Menyelaras dan menyediakan data laporan statistik agrimakanan seluruh negara dan perancangan penambahbaikan berkenaan berpandukan data laporan statistik;
4. Membuat lawatan dan khidmat nasihat kepada premis-premis pengusaha agrimakanan dengan tujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan meningkatkan usaha untuk mencapai pengeksportan produk agrimakanan;
5. Bertanggungjawab dalam bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan untuk membantu perkembangan perusahaan pengusaha agrimakanan dari segi keperluan pembangunan perusahaan, pemasaran dan juga memenuhi piawaian makanan nasional dan antarabangsa;
6. Bertanggungjawab dalam merancang, melaksanakan dan memantau salah satu projek pertanian secara sektor sama ada dalam Rancangan Kemajuan Negara mahupun projek semasa Jabatan selaku Projek Ko-ordinator; dan
7. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Pejabat dari semasa ke semasa.